

Orang Islam Yang Terkemuka

IBN BATTUTAH

PENGEMBARA ISLAM YANG MASYHUR

(2)

Pengembaraannya ke pulau-pulau Melayu, ke negeri China dan ke Tanah Sepanyol

– Ibn Battūṭah dan Ibn Khaldūn- Ibn Battūṭah dan Marco Polo.

Ke Pulau-pulau Melayu dan Ke Negeri China

Lama juga Ibn Battūṭah tinggal di India. Dari sana ia terus ke Indonesia iaitu ke Samutera dan Pulau Jawa lalu belayar ke negeri China. Ia telah menceritakan perihal penduduk negeri-negeri yang tersebut di dalam kitabnya tetapi sayang sebahagian dari cerita-ceritanya ini tidak begitu jelas. Barangkali yang dimaksudkannya dengan negeri China ialah Indochina dan China Selatan, dan ia hanya tiba dalam sebahagian kecil dari daerah-daerah China Utara.

Setelah beberapa lama ia berkeliling di negeri China Ibn Battūṭah telah balik ke Pulau Jawa, (dan Samutera), dengan melalui lautan Hindi dalam pelayaran balik ke tanah airnya dengan melalui Pantai Sindhu (Pakistan Barat sekarang – P), Parsi, Iraq, Syam, Mesir, dan akhirnya sampailah di tanah airnya tanah air (Morocco) pada tahun 753 H (1352 M.). Pengembaraannya mengelilingi dunia dalam masa yang tidak kurang dari seperempat kurun itu telah berlaku dalam zaman pemerintahan sultan Abu ‘Anān keturunan raja-raja Bani Maryan di Morocco.

Ke Tanah Sepanyol

Tetapi tidak lama ia tinggal di kampungnya kerana hatinya sentiasa mendesak hendak mengembara lagi. Berangkatlah Ibn Battūṭah menyerang Selat Gilbratar lalu ke Tanah Sepanyol melawat bandar-bandarnya yang masih terletak dalam pemerintahan Islam kerana pada masa itu umat Islam di Sepanyol sedang berjuang bermati-matian mempertahankan serangan orang-orang Kristian Sepanyol. Ia sampai di Bandar Granada dalam zaman pemerintahan Sulṭān ‘Abū al-Hujjāj Yūsuf ‘Ibn al-Wālīd al-Naṣrī keturunan Raja-raja Bani Naṣr. Ibn Battūṭah berkenalan dengan alim ulama dan orang-orang terpelajar.

Dari sana ia balik semula ke Morocco lalu meneruskan perjalanannya ke negeri Sudan bagi kali yang kedua dengan melalui padang Ṣaḥārah. Dengan tidak lupa menyelidik keadaan penduduk di sepanjang-panjang kawasan yang ditempuh dan berhubung dengan sultan-sultan dan amir-amirnya.

Balik Ke Tanah Airnya

Akhirnya...Ibn Battūṭah kembali ke tanah airnya

dan dalam perjalanan pulang, ditermanya perintah daripada Sultan Morocco supaya ia datang ke Bandar “Fez”. Ia tiba di tanah airnya pada ahun 755H (1354 M.) dan tinggal menetap di sana setelah puas mengembara selama 30 tahun, dikira semenjak ia meninggalkan kampung halamannya kali yang pertama. Ibn Baṭṭūṭah sekarang berumur 53 tahun.

Setibanya di tanah air ia tinggal di istana sultan di bandar Fez dengan mendapat kehormatan rajanya yang telah asyik mendengar cerita pengembaraannya yang menakjubkan itu. Ia telah menjadi masyhur meskipun setengah orang mengatakan dia berlebih-lebihan dalam setengah-setengah yang diceritakan itu.

Tuduhan-tuduhan yang tersebut telah disangkal oleh Ibn Baṭṭūṭah di dalam kitab pengembaraannya, antara lain ia berkata:

“Tuhan sendiri lebih mengetahui bahawa aku hanya menyebutkan cerita-cerita yang benar, dan cukuplah Tuhan menjadi saksi.”

Ibn Baṭṭūṭah dan Ibn Khaldūn

Berita Ibn Baṭṭūṭah dan hikayat pengembaraannya masih hidup dalam kenangan orang. Tatkala filsuf Ibn Khaldūn menulis kitab “Muqaddimahnya” (kitab yang menjadi “pendahuluan” bagi kitab tārikhnya yang masyhur- P) itu, Ibn Baṭṭūṭah baharu beberapa tahun meninggal. Ibn Khaldūn pernah berjumpa dengan dia di Istana Bandar Fez ketika ia masih menjadi salah seorang pegawai kepada Sultan Morocco.

Mengenai Ibn Baṭṭūṭah, Ibn Khaldūn berkata:

“Dalam masa pemerintahan Sultan Abū ‘Anān, keturunan Raja-raja Bani Maryan, pernah datang ke Morocco seorang yang terkemuka dari Ṭanjīr, terkenal dengan nama Ibn Baṭṭūṭah. Dua puluh tahun yang lalu ia telah berangkat ke Timur mengunjungi Iraq, Yaman, India serta memasuki bandar Delhi tempat bersemayam Raja India. Ia berhubung dengan rajanya pada masa itu, iaitu Sulṭān Muḥammad Shāh yang

menghargakannya dan melantiknya menjadi hakim. Kemudian ia kembali ke Maghribi dan mengadap sultan ‘Abū ‘Anān. Diceritakannya kepada baginda segala pengalaman dan keajaibannya yang pernah disaksikannya dalam negeri-negeri di muka bumi, tetapi terdengar desas-desus orang bahawa ia berdusta.

“Pada suatu hari saya pergi mendapatkan Faris Ibn Wardah, wazir sultan dan berbincang dengannya tentang soal itu. Saya nyatakan bahawa saya merasa syak tentang berita-berita orang itu, sebagaimana penduduk menuduhnya berkata-kata dusta. Tetapi wazir itu menjawab: “Saudara tidak dapat membenarkan cerita-ceritanya tentang negeri-negeri itu, kerana saudara sendiri tidak pernah mengunjunginya!”

Ibn Baṭṭūṭah dan Marco Polo

Jelaslah bahawa pengembara besar Islam itu tidak mendapat penghargaan yang selayaknya dari masyarakat zamannya, samalah seperti halnya Marco Polo. Tetapi perjalanannya itu telah meninggalkan kesan yang lebih besar dari hasil-hasil perjalanan Marco Polo.

Ibn Baṭṭūṭah telah memasuki masyarakat yang sebahagian besar terdiri dari kaum Muslimin, dan telah menyelidiki adat istiadat, dan corak kerohanian mereka lebih mendalam sesudah ia meredah Afirka Utara, Mesir, Semenanjung Arab, Parsi, India, Kepulauan Melayu dan negeri China.

Tetapi Marco Polo, ia hanya melintasi Asia Tengah sahaja iaitu Tartar. Ia memasukinya sebagai orang asing yang tidak dapat memahami apa yang dilihanya. Ringkasnya penyelidikan pengembara Islam ini lebih tepat dan lebih dekat kepada kebenaran dari penyelidikan pengembara barat yang mendahuluinya – kata Tuan Muḥammad ‘Abdullāh ‘Anān, Mesir.

(Dalam Qalam akan datang, kita akan hidangan sedikit tentang kitab pengembaraan Ibn Baṭṭūṭah yang bernama “Tuḥfat al-Nazār”- P. Q.)